

KAWALAN PENULARAN WABAK MERBAHAYA MENURUT PERSPEKTIF *SIASAH SYAR'IYYAH*

MANAGING THE PANDEMIC BREAKOUT FROM *SIASAH SYAR'IYYAH* PERSPECTIVE

Mohd Hapiz Mahaiyadinⁱ & Zakiah Samoriⁱⁱ

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). mohdhapiz659@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). zakiah.samori@uitm.edu.my

Abstrak

Pada akhir Disember 2019, pandemik penyakit yang mengancam nyawa manusia dikenali sebagai COVID-19, sejenis virus yang mudah dijangkiti, mampu merosakkan sistem respiratori tubuh manusia seterusnya menyebabkan kematian dalam jangka masa pendek telah dilaporkan berlaku di Wuhan, China. Virus ini telah merebak ke ratusan buah negara dengan ratusan ribu kes positif COVID-19 berserta ribuan kematian telah dicatatkan sehingga April 2020. Malaysia turut berdepan dengan wabak COVID-19 dan merekodkan peningkatan kes positif dengan lebih 50 kematian setakat hari ini. Pelbagai langkah dan kaedah kawalan drastik telah dilaksanakan oleh badan berautoriti di Malaysia untuk mengawal penularan wabak COVID-19. Justeru kajian ini dibuat untuk mengenalpasti kaedah-kaedah pengawalan yang dilaksanakan di peringkat global dengan melihat kajian-kajian literatur terkini dengan penumpuan kepada penguatkuasaan kaedah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia. Dalam menilai kesahan pelaksanaan, konsep siasah syar'iyyah yang merupakan satu mekanisme efektif dalam menjaga kemaslahatan awam seperti yang dituntut oleh Islam harus diambil kira. Oleh yang demikian, metod kualitatif digunakan untuk meneroka pendekatan ijtihad kerajaan Islam terdahulu dengan menganalisis kitab-kitab muktabar dalam menangani beberapa kes yang sama. Prinsip-prinsip asas Islam yang terkandung dalam al-Quran dan sunah Rasulullah SAW dalam proses membuat keputusan dan kewajaran tindakan yang perlu diambil dalam menangani suatu wabak penyakit akan turut diteliti melalui kaedah analisis data (content analysis). Pendekatan kaedah-kaedah memastikan yang relevan serta pengaplikasiannya dalam isu ini juga sangat penting untuk diperhalusi bagi memahami bahawa proses setiap keputusan yang diambil tindakan oleh badan berautoriti perlu menepati konsep maqasid dan prinsip utama syariah. Hasil kajian mendapati, kaedah kawalan penularan wabak yang sedang dijalankan oleh kerajaan Malaysia berserta dasar dan polisi yang dikuat kuasakan dalam menangani pandemik yang mengancam nyawa masyarakat adalah bertepatan dengan perintah syarak yang wajib dipatuhi oleh semua pihak.

Kata Kunci: *Wabak, Siasah, Maslahah, Kerajaan, Rakyat.*

Abstract

At the end of December 2019, a pandemic of life-threatening disease known as COVID-19, caused by a virus that is highly infective and capable of damaging the respiratory system of a human body, to eventually causing death within a short span of time, has been reported in Wuhan, China. This virus has spread to hundreds of countries with hundred thousand positive cases of COVID-19, as well as thousands of death recorded until April 2020. Similarly, Malaysia also faces the pandemic of COVID-19 and recorded an increase of positive cases with more than 50 deaths until today. Multiple drastic preventive measures and steps have been implemented by the authorities in Malaysia to prevent the spread of the COVID-19 outbreak. Hence, this study is conducted to identify control measures that have been used globally, by looking into recent literature studies and focusing on the enforcement of Restriction of Movement Order (RMO) measure in Malaysia. In evaluating the legality of the implementation, the concept of siasah syar'iyyah, which is an effective mechanism in safeguarding the public interest or common good as required in Islam, must be taken into consideration. Therefore, qualitative methodology was duly adopted to explore the jurisprudential approach of prior Muslim governments, by analyzing highly regarded principal references that addressed similar cases. The basic principles of Islam, as contained in the Quran and ḥadīth of Rasulullah PBUH, applied in the decision making process and the rationality of actions taken in addressing any pandemic of disease would also be observed through data analysis methodology (content analysis). The approach of Islamic jurisprudence methodology that is relevant and its application to this issue is also very important to be elaborated to understand that the process used before arriving at each decision by the authorities should adhere to the concept of maqāṣid and main principles of shari'ah. The result of the study found that the preventive measures to control the pandemic outbreak currently implemented by Malaysian government as well as the policies being enforced in dealing with the life-threatening pandemic is consistent with the injunctions of Islamic law that should be obeyed by all parties.

Keywords: Pandemic, *Siasah, Maslahah, Government, People.*

PENDAHULUAN

Dunia dikejutkan dengan satu pandemik virus merbahaya dikenali sebagai *Novel Coronavirus* yang memberi jangkitan dan kesan kepada sistem saluran pernafasan bermula dari wilayah Wuhan, China akhir Disember 2019 (Di Wu, Tiantian Wu, Qun Liu, Zhicong Yang, 2020) Zhe Xu et.al, 2020). *Coronavirus Disease* (COVID-19) telah diumumkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Februari 2020 (Bernama. 12 Februari 2020) sebagai nama rasmi kepada wabak tersebut dan telah

disahkan merebak ke Malaysia pada 25 Januari 2020 (Sipalan, 2020). Sehingga 1 April 2020, terdapat 2908 kes dengan 45 kematian dilaporkan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Peningkatan jumlah kes jangkitan amat membimbangkan sehingga pihak kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (*Restricted Movement Order*) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 334). Perintah ini berkuat kuasa pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020 (Majlis Keselamatan Negara, 2020)

Susulan penguatkuasaan perintah tersebut, Jabatan Mufti seluruh negara telah mengarahkan agar semua aktiviti yang melibatkan perhimpunan awam di masjid dan surau seperti solat berjemaah, kuliah-kuliah pengajian, ceramah dan juga solat Jumaat hendaklah ditangguhkan dalam tempoh kuat kuasa perintah PKP. Tindakan sedemikian telah mengundang pelbagai reaksi awam di mana walaupun sebahagian besar masyarakat akur, namun wujud golongan yang mempertikaikan kewajarannya dengan membawa pelbagai dalil dan hujah syarak.

Berdasarkan senario di atas, kajian ini dijalankan untuk menilai sejauhmana kesahan tindakan kerajaan dalam pengawalan COVID-19 melalui PKP. Pendekatan konsep *siasah syar'iyyah* yang diterajui oleh *waliyyul amr* (pemerintah) dalam mempamerkan integrasi kebijaksanaan melalui tiga proses penting ijтиhad iaitu *fiqh al-nusus* (faham nas), *fiqh al-waqi'* (faham realiti) dan *fiqh al-tanzil* (faham aplikasi) serta syarat-syarat pengaplikasiannya akan dibahaskan dan diperhalusi kerana ia merupakan mekanisme penting dalam mengendalikan urusan pemerintahan negara. Bagi tujuan tersebut, tindakan kawalan yang diambil oleh para Khulafa' Islam terdahulu dalam menangani wabak penyakit akan dianalisa secara terperinci melalui kaedah analisa dapatan (*content analysis*) dari kitab-kitab klasik fiqh muktabar terdahulu. Di samping itu, asas- asas syariah yang terkandung dalam sumber primer (al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW) beserta prinsip dan kaedah-kaedah fiqh akan turut dikenal pasti dan diuraikan pengaplikasiannya dalam isu ini. Hasil analisis menurut perspektif *siasah syar'iyyah* secara holistik sangat penting untuk menilai dan memastikan langkah yang

diambil kerajaan dalam mengurus hal ehwal masyarakat pada masa kini menepati konsep *maqasid* pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Memandangkan tanggungjawab yang digalas oleh para pemimpin kerajaan adalah lebih mencabar dalam berhadapan secara langsung dengan realiti kehidupan masayarakat yang bersifat dinamik, dasar dan polisi yang diijtihadkan oleh para pemimpin negara dan institusi kerajaan adalah bersifat autoritatif ke atas orang ramai. Justeru, berdasarkan Artikel 3 perlembagaan persekutuan Malaysia yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan, kajian ini amat signifikan untuk memastikan setiap tindakan dan keputusan dari badan berautoriti dalam pengawalan wabak terhadap masyarakat tidak bercanggah dari undang- undang dan prinsip- prinsip asas Islam.

PENULARAN WABAK DALAM SEJARAH ISLAM: SATU SOROTAN

Sejarah Islam telah mencatatkan berlakunya penularan wabak dalam negara Islam seperti penularan taun dan penyakit berjangkit lain dan bagaimana mereka menanganinya. Ibn Qutaybah (1996) melaporkan antara wabak besar yang pernah melanda umat Islam ialah taun *Amawas* (18 H/693M), taun *al-Jarif* (69 H / 688 M), taun *Fatayat* atau *al-Ashraf* (87H /705 M), taun *Adiy bin Arta'ah* (100 H), taun *Ghurab* (127 H) dan taun *Muslim bin Qutaybah* (131 H/748M).

Penyakit taun *Amawas* merupakan pandemik yang menular di Syam pada zaman Khalifah Umar al-Khattab RA tahun ke 18 Hijrah. Ia disebut *Amawas* kerana tempat munculnya wabak ini bermula dari sebuah perkampungan bernama Amawas yang terletak di antara Baitulmaqdis dan bandar Ramallah di Palestin. Wabak ini kemudiannya telah merebak sehingga ke seluruh negeri Syam (Syria-Palestin-Lubnan-Jordan) selepas perperangan antara tentera Islam dan tentera Rom. Pertempuan tersebut mengorbankan ramai jiwa sehingga akibat timbunan mayat yang mereput, menyebarkan wabak yang dibawa tiupan angin ke Syam. Menurut catatan sejarawan Islam, wabak tersebut telah mengorbankan ramai dalam kalangan sahabat dan tokoh besar seperti ketua komander Islam sendiri iaitu Abu Ubaidah bin al-Jarrah, Mu'az bin Jabal, Yazid bin Abi Sufyan, al-Harith bin al-Hisyam, Suhail bin Amru, Utbah bin Suhail (Al-Tabari, 1966; Ibn al-Imad, 1986; Ibn al-Wardi, 1996).

Pada tahun 69 Hijrah, wabak taun *al-Jarif* pula melanda bandar Basrah pada zaman pemerintahan Abdullah bin Zubair. Taun itu digelar sebagai *al-Jarif* yang bermaksud menyapu kerana kesan dari wabak itu telah menyapu (mengorbankan) begitu ramai nyawa manusia sekitar 214,000 orang walaupun taun ini hanya melanda dalam tempoh tiga hari sahaja. (Ibn Kathir, 1988).

Pada tahun ke 87 Hijrah pula, telah tersebar pula satu lagi wabak di Iraq dan Syam yang dikenali sebagai taun *Fatayat*. *Fatayat* bermaksud remaja perempuan kerana pada permulaannya mangsa taun ini adalah dalam kalangan wanita dan remaja perempuan sebelum menyerang golongan lelaki. Taun ini juga digelar sebagai taun *al-Asyraf* (kelompok bangsawan) kerana ramai mangsa yang mati adalah dari golongan ini. Seterusnya, taun Muslim telah melanda zaman kerajaan Bani Umayyah pada tahun 131 Hijrah. Nama taun ini diberikan sempena nama Muslim bin Qutaibah iaitu mangsa pertama yang mati disebabkannya. Taun ini telah menular di kota Basrah, Iraq selama tiga bulan pada bulan Ramadhan sehingga menyebabkan kematian yang begitu ramai di mana angka kematian mencecah sehingga satu ribu mangsa sehari (Ali al-Sallabi, 2020).

Beberapa abad kemudian, dunia Islam sekali lagi dijangkiti beberapa lagi siri wabak taun. Antaranya, pada tahun 656 Hijrah, kota Baghdad menghadapi suatu wabak taun yang berlanjutan selama empat puluh hari. Wabak itu berpunca daripada serangan tentera Tatar (Monggol) yang memusnahkan ibu kota kerajaan Abbasiyyah sehingga dilaporkan solat Jumaat dan solat berjemaah telah terhenti selama beberapa bulan akibat daripada penularan wabak taun tersebut. Baghdad bertukar menjadi padang jarak padang tekukur yang mana hanya golongan kurang siuman merayau ke sana sini. Jumlah kematian meningkat secara mendadak sehingga tidak dapat ditangani dengan cekap. Akibatnya mayat terpaksa dibiarakan bergelimpangan di segenap penjuru di mana apabila hujan turun, sekali lagi wabak taun itu berterbangan sehingga ke wilayah Syam (Ibn Kathir, 1988)

Kemudian pada zaman Kerajaan Mamalik iaitu tahun 784 Hijrah, wilayah Syam telah dilanda pula dengan taun *al-A'zam* atau taun yang amat besar sehingga melanda kota-kota besar seperti Aleppo, Damsyik sehingga ke Baitulmaqdis di Palestin dan kawasan pesisiran pantai. Pada tahun 795 Hijrah, bandar Aleppo sekali lagi dilanda satu

penyakit yang dikenali sebagai *al-fana' al-'azim* yang telah mengorbankan 150 ribu mangsa dari bandar tersebut dan kawasan sekitarnya. Keadaan negara-negara Islam di sebelah Maghribi dan Andalus turut tidak terkecuali daripada serangan wabak seperti di kawasan Syam, Palestin, Basrah dan Baghdad sebelum ini. Pada tahun 571 Hijrah satu wabak taun telah menular ke Maghribi dan Andalus yang mengorbankan nyawa ramai rakyat sehingga mencecah seramai 190 ribu orang. Antara yang terkorban ialah empat orang saudara kandung Khalifah Yusuf bin Yaakub sendiri, pemerintah kerajaan al-Murabitun (Al-Sallabi, 2020).

Menelusuri peristiwa di atas, pandemik atau wabak penyakit bukan perkara baharu dalam tamadun manusia kerana ia turut dihadapi oleh semua manusia sebagaimana yang dicatatkan dalam sejarah. Sejarah turut membuktikan pada tahun 165 Masihi, lima juta nyawa manusia terkorban akibat *Antonine Plague*, sejenis penyakit yang merebak di Mesir, Greek dan Itali. Penyakit ini dikatakan dibawa melalui darat oleh tentera Rom selepas berperang dengan kerajaan Mesopotamia (Colin P. Elliott, 2016; Christer Bruun, 2007).

Begitu juga pandemik *The Black Death* (penyakit hawar berpunca daripada tikus dan kuman yang diangkut menerusi kapal dagangan melalui jalan laut) turut menyerang benua Eropah, Afrika dan Asia antara tahun 1346-1353 mengakibatkan seramai 75 juta nyawa manusia terkorban (Stephanie Haensch et.al, 2010; Kirsten I. Bos; 2011, Norman F. Cantor, 2014). Malah, sejarah dunia moden turut merekodkan pelbagai penyakit dan virus merbahaya telah melanda manusia seperti *EBOLA*, *SARS*, *Rabies*, *Denggi*, *Influenza*, *Cacar*, *AIDS*, *HIV* dan sebagainya.

KRONOLOGI PENULARAN WABAK COVID-19 DI MALAYSIA: LANGKAH DAN KAWALAN PENCEGAHAN

Pada 25 Januari 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaporkan 3 kes positif koronavirus di Malaysia adalah terdiri daripada warga China yang mempunyai hubungan terdekat dengan pesakit yang disahkan positif koronavirus di Singapura pada 24 Januari 2020. Sehubungan itu, visa pelancong dan kemudahan tanpa visa bagi mereka yang berasal dari Wuhan dan juga wilayah Hubei China telah digantung mulai 27 Januari 2020

(Latif Saad, 2020). Pada 30 Januari 2020, sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan bagi misi bantuan kemanusiaan membawa pulang rakyat Malaysia dari wilayah Hubei, China. Jawatankuasa tersebut diselaraskan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama Kementerian Luar, Kementerian Kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Tidak lama selepas WHO mengisytiharkan coronavirus sebagai darurat kesihatan dunia pada 31 Januari 2020, KKM menempatkan 80 alat pengimbas suhu badan di pintu masuk negara mulai 12 Februari. Hasil ujian terhadap 550 kontak rapat dan mereka yang bergejala di 18 makmal awal mendapati 18 orang disahkan positif bagi COVID-19. Sehingga 16 Mac lalu, jumlah kumulatif meningkat kepada 553 kes di mana 95 daripada 125 kes baharu dikaitkan dengan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling.

Melihat kepada keadaan yang semakin membimbangkan, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Warta Kerajaan Persekutuan Peraturan-Peraturan Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) yang menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan selama 14 hari bermula 18 Mac hingga 31 Mac (Berita Harian Online, 2020). Menurut warta tersebut, mereka yang melanggar mana-mana peruntukan dalam peraturan ini boleh disabitkan denda tidak melebihi RM1,000, atau penjara tidak lebih enam bulan, atau kedua-duanya (Azzyati Ahmad, 2020).

Analisis terhadap beberapa kajian akademia yang lain mendapati sebahagian negara-negara membangun yang turut dijangkiti virus COVID-19 telah melaksanakan kawalan efektif iaitu dengan menguat kuasakan ujian saringan (*Screening Test*) pada setiap pelancong yang masuk ke negara mereka untuk mengelak sebarang jangkitan baru daripada pelancong negara luar terus menular ke kawasan yang masih belum dijangkiti (Katelyn Gostic, Ana CR Gomez , Riley O Mumma , Adam J Kucharski , James O Lloyd-Smith, 2020; Zhicheng Wang and Kun Tang, 2020; Kerajaan turut membuat sekatan perjalanan warganegara dan penduduk tetap Malaysia ke luar negara dan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam Negara. Bagi warganegara dan penduduk tetap yang pulang dari luar negara, mereka dibenarkan masuk dan dikehendaki

menjalani pemeriksaan kesihatan dan ujian saringan (*Screening Test*) dan melakukan kuarantin sendiri selama 14 hari.

Pada masa sama, semua penduduk Malaysia dari Semenanjung tidak dibenarkan untuk menaiki penerbangan ke Sabah dan Sarawak dan begitu juga penduduk di Sabah dan Sarawak. Dalam sidang media khas pada 29 Mac 2020, Perdana Menteri memaklumkan sebanyak 997 sekatan jalan raya dilakukan, lebih 300,000 kenderaan telah diperiksa, 3223 buah premis diperiksa dan sebahagiannya diarahkan untuk ditutup, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tidak dibenarkan lagi menghantar bantuan terus kepada golongan sasar untuk melindungi anggotanya daripada risiko dijangkiti COVID-19.

Di samping membuat ujian saringan (*Screening Test*), kajian yang dilakukan oleh Janice Tsang and Jyoti Bajpai (2020) menyarankan keperluan penjarakan sosial (*social distancing*) antara orang ramai, gaya hidup sihat dengan amalan senaman ringan, pengambilan makanan seimbang dan berkhasiat, pemakaian penutup muka (*mask*) di tempat awam, penjagaan kebersihan tangan dan diri yang optima merupakan antara langkah pencegahan awal dalam mengelak dan memutuskan rantaian jangkitan virus COVID-19. Saranan dan idea yang sama turut diutarakan dalam kajian lain (Tracy H.T. Lai, Emily W. H Tang, Sandy K.Y. Chau, Kitty S.C Fung dan Kenneth K. W. Li, 2020; Xuejiao Chen, Junzhang Tian, Guanming Li, Guowei Li, 2020).

Kajian Tracy (2020) telah mengklasifikasikan langkah pencegahan wabak CONVID-19 melalui tiga kaedah; 1) Kawalan pentadbiran termasuklah kuarantin selama 14 hari bagi yg bersimptom dan diuji positif COVID19; 2) Penjagaan persekitaran termasuk kekerapan melakukan proses disinfeksi pada peralatan penggunaan awam dan pemakaian perlindungan muka 3D, mengukur suhu badan untuk mengesan sebarang simptom; 3) Pemakaian penutup muka (*mask*), memastikan kebersihan tangan dan pemakaian peralatan perlindungan diri (*PPE*).

Kaedah pengawalan wabak COVID-19 seperti yang telah dilaksanakan oleh negara- negara dijangkiti turut dilaksanakan di Malaysia. Malah, saranan dan penguatkuasaan pengawalan jangkitan turut dipantau dari semasa ke semasa. Namun begitu, kerjasama yang padu dan disiplin yang tinggi dan berterusan dari segenap lapisan

masyarakat amat diperlukan untuk memutuskan rantaian COVID-19 dari terus merebak. Di Malaysia, amalan *social distancing* di rumah seperti yang dianjurkan oleh kerajaan adalah; 1) kerap membasuh tangan dengan sabun dan air. 2) melakukan disinfeksi ke atas permukaan yang selalu disentuh sekerap mungkin. 3); memastikan tingkap rumah dibuka bagi membolehkan berlakunya ventilasi udara. 4); mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul. (KKM, 2020).

Untuk memastikan kaedah ini berjaya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menggesa solat Jumaat tidak perlu diadakan sehingga 31 Mac bagi memutuskan rangkaian penularan wabak berkenaan dengan menegaskan perkara itu selari dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang dilaksanakan (Berita Harian, 2020). Semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah dicadangkan ditangguh sehingga tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 20 Mac 2020 bersetuju untuk mengambil ketetapan seperti penangguhan semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah sebelum ini adalah dilanjutkan sehingga 31 Mac 2020 atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh kerajaan dari semasa ke semasa (Hafidzul Hilmi Mohd Noor, 2020). Ketetapan Muzakarah Majlis Kebangsaan tersebut telah diikuti oleh kesemua Jabatan Mufti seluruh negeri selepas itu.

ASAS-ASAS SYARIAH DALAM MENDEPANI PENULARAN WABAK MERBAHAYA

Islam merupakan sebuah ajaran yang menjaga kelestarian hidup manusia. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui salah satu ciri penting pensyariatan hukumnya ialah memberikan keringanan (*taysir*) dan menolak pelbagai elemen yang mendatangkan kesusahan (*raf' al-harj*). Ini dibuktikan dalam pelbagai ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW sama ada secara umum atau khusus melarang segala bentuk kemudaran dan pada masa sama mengarahkan situasi merbahaya yang mengancam maqasid pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) perlu dihindari.

Antara ayat-ayat al-Quran ialah ayat 185 surah al-Baqarah dan 78 surah al-Hajj:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya, “(dengan ketetapan demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran” (Al-Baqarah: 185).

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرْجٍ

Maksudnya, “Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenarnya Dia lah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamaNya); dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara ugama” (Al-Hajj: 78).

Terdapat banyak hadis yang menunjukkan larangan melakukan kemudaratan (*dharar*) terhadap orang lain atau membalaikemudaratan yang sama terhadap orang lain (Al-Zarqa, 1989; al-Zarqa, 1998). Antaranya:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ مَنْ ضَارَ ضَارَةً اللَّهُ وَمَنْ شَاقَ شَقَّ اللَّهُ عَلَيْهِ

Maksudnya, “Tidak (boleh melakukan) kemudaratan dan tidak (boleh melakukan perbuatan yang) memudaratkan (orang lain). Sesiapa yang memudaratkan (orang lain), Allah pasti memudaratkannya dan sesiapa yang menyukarkan (urusan orang lain), Allah pasti akan menyukarkan (urusan) dirinya” (Hadis. al-Hakim, dalam al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn, no. hadis 2345, dinilai sahih oleh al-Albani).

Dalam sebuah hadis lain, kisah sahabat bernama Samurah ibn Jundub yang memiliki sebatang pohon tamar dalam kawasan kebun seorang lelaki Ansar yang tinggal di sana bersama keluarganya telah diceritakan. Lelaki tersebut berasa tidak selesa apabila setiap kali Samurah pergi ke pohon kurmanya. Beliau mencadangkan supaya Samurah menjual atau memindahkan hak milik kepadanya. Namun tawaran tersebut ditolak oleh Samurah. Lelaki berkenaan mengadu kepada Rasulullah SAW tentang perkara tersebut. Baginda SAW juga mengemukakan tawaran serupa kepada Samurah. Namun, beliau tetap menolaknya. Akhirnya, Rasulullah bersabda kepada Samurah “Kamu seorang *mudarr* (memudaratkan orang lain)” dan mengarahkan lelaki Ansar tadi agar mencabut

pokok kurma itu daripada kebunnya (Abu Dawud, *Kitab al-Uqdiyah Abwab min al-qada'*, no. hadis 3636).

Hadis-hadis di atas menunjukkan setiap perbuatan mudarat terhadap nyawa dan harta manusia adalah haram. Seseorang muslim ditegah menggunakan percakapan, perbuatan dan pelbagai sebab yang boleh mendatangkan mudarat kepada orang ramai, tidak kira sama ada kesan kemudaratan tersebut memberikan kebaikan untuk dirinya ataupun tidak. Kemudaratan yang diharamkan ini mencakupi pelbagai tindakan, tingkahlaku, budaya dan adat kebiasaan yang diamalkan dalam urusan muamalat, kewangan, sosial, dan juga politik (Al-Sadlan, 1996).

Pada masa sama, terdapat hadis-hadis sahih yang secara jelas melaporkan Rasulullah SAW melaksanakan tindakan pencegahan wabak berbahaya melalui tindakan kuarantin (Al-Nawawi, 2002; Al-Uthaymin, 2007), membetulkan salah faham mengenai penularan sesuatu wabak terjadi kerana kuasa Allah SWT, menggesa umat Islam agar bertindak dalam peraturan “cause and effect” dengan menjauhi segala punca yang terbukti mendatangkan penyakit merbahaya.

إِذَا سَعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدِمُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ إِلَيْهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

Maksudnya, “Apabila kalian mendengar taun berlaku di satu tempat, maka janganlah kalian pergi ke sana. Apabila ia berlaku di tempat kalian berada, maka janganlah keluar mlarikan diri dari sana” (Al-Bukhari, *Bab Ma Yuzkar fi al-Ta'un*, No hadis. 5729, daripada Abd al-Rahman bin Auf)

لَا عَدُوٌّ وَلَا طَيْرَةٌ، وَلَا هَامَةٌ وَلَا صَفَرٌ، وَفَرَّ مِنَ الْمَجْذُومِ كَمَا تَفَرَّ مِنَ الْأَسَدِ

Maksudnya, “Tiada (kecelakaan disebabkan) tularan penyakit, tiyarah (ikut arah burung terbang), haamah (burung hantu) dan bulan Safar. Larilah daripada pesakit kusta seperti kamu lari daripada singa” (Al-Bukhari, Bab al-Juzam, no. Hadis 5707, daripada Abu Hurairah).

لَا يُورِدُ مُرْضٌ عَلَى مُصِحٍّ

Maksudnya, “Jangan diletakkan haiwan yang sakit bersama haiwan yang sihat” (Muslim, *Bab La ‘Adwa wa La Tiyarah wa La Haamah*, no. Hadis 2242, daripada Abu Hurairah).

Di samping itu, terdapat beberapa kaedah fiqh yang boleh dijadikan asas-asas kukuh dan hujah oleh ulama usul fiqh untuk menyokong pemakaian kaedah ijтиhad dalam pelbagai persoalan baharu yang tidak dinaskan secara jelas oleh syarak (Al-Sadlan, 1996; al-Burnu, 2000). Dalam menyekat penyebaran wabak merbahaya, kaedah-kaedah yang relevan adalah seperti *al-dharar yuzal* (kemudaranan hendaklah dihilangkan), *dar’ al-mafasid awla min jalb al-masalih* (menolak keburukan lebih utama daripada menarik kebaikan), *irtikab akhaff al-dararayn* (melakukan kemudaranan lebih ringan), *iza ta’aradhat mafsadatan ru’iya a’zahuma dhararan bi irtikab akhaffifa* (Apabila dua *mafsadah bertembung*, diutamakan *mafsadah* lebih besar dengan melakukan *mafsadah* lebih ringan). Kaedah-kaedah ini menunjukkan beberapa rumusan penting seperti yang berikut:

- i. Larangan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan masyarakat.
- ii. Pengutamaan mengelak kesan *mafsadah* berbanding memperolehi kesan *maslahah* ketika terjadi pertembungan antara kedua-duanya
- iii. Pengutamaan melakukan mudarat lebih ringan bagi mengelak mudarat lebih besar terjadi ketika menghadapi dua kemudaranan.

Sehubungan itu, kajian ini turut menemui kaedah-kaedah fiqh yang menjustifikasi autoriti ijтиhad pihak kerajaan membuat polisi dan dasar yang mestilah dipatuhi oleh semua pihak seperti kaedah *tasarruf al-imam ‘ala al-ra’iyah manut bi al-maslahah* (tindakan pemerintah tertakluk kepada maslahah), *amr al-imam yarfa’ al-khilaf* (keputusan pemerintah mengangkat khilaf) dan *hukm al-hakim yarfa’ al-khilaf* (keputusan hakim meleraikan khilaf). Kaedah-kaedah ini menunjukkan bahawa dalam suatu keputusan yang berasaskan ijтиhad, pandangan, polisi dan dasar yang dipilih oleh kerajaan memiliki autoriti lebih tinggi sehingga ijтиhad individu atau badan bukan kerajaan perlu diketepikan demi kemaslahatan umum dan perpaduan dalam masyarakat.

APLIKASI SIASAH SYAR'IYYAH DALAM PEMBENTUKAN POLISI KERAJAAN

Perkataan *siasah* berasal dari kata akar sasas *yasusu siasah* yang bermaksud mentadbir dan mengendalikan sesuatu urusan, pekerjaan dan sebagainya dengan baik (Al-Fayyumi, 1994). Ia merangkumi pengendalian urusan manusia, haiwan dan setiap jenis pekerjaan (Ibn Manzur, 1993; al-Zubaydi, t.th). Kalimah *syar'iyyah* secara literalnya, merujuk kepada sesuatu yang sah di sisi syarak atau legaliti yang bermaksud perbuatan dan lain-lain yang sah di sisi selari dan tidak menyalahi undang-undang yang digubal (Kamus Dewan, 2013). *Siasah* yang disandarkan kepada syariah bolehlah difahami secara literalnya sebagai politik dan pengurusan yang berteraskan nilai-nilai syariat di dalam setiap gerak gerinya.

Secara konseptualnya, *siasah syar'iyyah* boleh difahami sebagai suatu mekanisma pembuatan keputusan yang menggunakan kaedah ijтиhad berpandukan *maqasid* syariah, kaedah-kaedah ijтиhad dan prinsip-prinsip utama syariat Islam yang lain. Pendekatan *siasah syar'iyyah* ini didokong oleh Abd al-Rahman Taj (1995), Abd al-Wahab Khallaf (1998), Muhammad Na'im Yasin (Shukeri Mohammad, 1994) dan Utwah (t.th.). Ia turut disokong oleh beberapa sarjana Islam seperti Fathi al-Durayni (1986), Ahmad al-Hasari (1988), dan Fathi Uthman (t.th).

Jika dilihat dari sudut aplikasinya, *siasah syar'iyyah* merupakan hasil ijтиhad pemimpin kerajaan dalam membentuk dasar, peraturan, dan polisi negara. Autoriti ijтиhad tersebut meliputi seluruh institusi kerajaan seperti kementerian, agensi-agensi kerajaan, jabatan dan jentera kerajaan. Ini bermakna *siasah syar'iyyah* juga digunakan dalam urusan perundangan, kehakiman, eksekutif, pendidikan, kewangan, perdagangan, sosial, politik dalam atau luar negeri dan sebagainya yang menyangkut pentadbiran negara. Dari segi perlaksanaannya, *siasah syar'iyyah* mempunyai dua lapangan utama. Pertama, isu-isu semasa yang memerlukan ijтиhad terbaru. Kedua, isu-isu hukum yang telah diperuntukkan sendiri oleh syarak. Dalam konteks isu kedua, *siasah syar'iyyah* memainkan peranan ijтиhad *fi al-tatbiq* iaitu mencari pendekatan sesuai bagi memastikan

pelaksanaan hukum syariah memenuhi semangat asalnya iaitu memelihara kemaslahatan manusia (Mohd. Hapiz, 2001)

Kepentingan awam (*maslahah ammah*) merupakan objektif utama aplikasi *siasah syar'iyyah* yang perlu dititipkan ke dalam setiap dasar dan langkah yang diambil oleh kerajaan. Oleh kerana *maslahah* sesuatu yang global dan dinamis, ia bukan sahaja timbul dari sudut keadilan undang-undang malah *maslahah* juga terdapat di dalam aspek-aspek lain seperti ekonomi, kesihatan, sosial dan lain-lain berbanding dengan soal undang-undang qisas, hudud dan takzir semata-mata. Menurut Abd al-Rahman Taj (1995), setiap keputusan yang berpandukan *siasah syar'iyyah* perlu mematuhi dua syarat seperti yang berikut;

- i. Menepati *maqasid* syariah dan mengaplikasikan kaedah-kaedah serta prinsip-prinsip hukum yang betul,
- ii. Tidak menyalahi secara jelas ketetapan hukum dalam nas syarak yang telah menjadi peraturan tetap kepada manusia.

PENELITIAN TINDAKAN KERAJAAN DALAM MENGAWAL PENULARAN COVID-19 MENURUT PERSPEKTIF SIASAH SYAR'IYYAH

Jika diteliti setiap arahan dalam PKP, penulis mendapati bahawa kesemuanya menepati mekanisme aplikasi Siasah Syar'iyyah daripada aspek pemeliharaan *maqasid* nyawa (*hifz al-nafs*), menolak kemudaratan dan pengutamaan elemen *mafsadah* berbanding *maslahah*. Arahan PKP yang melarang orang ramai daripada keluar masuk negara termasuk ke Sabah Sarawak merupakan tindakan paling efektif untuk mengekang kemasukan pembawa pandemik COVID-19 dari luar terutama yang menjadi punca penyebarannya seperti China dan negara-negara kritikal yang berada dalam senarai utama WHO seperti Amerika Syarikat, Itali, dan Sepanyol. Sekatan ini berupaya menjadi langkah pemeliharaan nyawa rakyat Malaysia dalam skala lebih besar.

Asas tindakan demikian menepati pendekatan siasah Khalifah Umar ibn al-Khattab RA saat menghadapi wabak taun Amawas yang melanda kawasan Syam. Taun merupakan penyakit merbahaya yang wajib dijauhi (Al-Ansari, t.th). Dilaporkan semasa delegasi beliau dalam perjalanan ke sana dan apabila tiba di satu tempat bernama Saragh,

beliau menerima laporan daripada Abu Ubaidah al-Jarrah selaku ketua tentera Islam tentang wabak yang melanda. Khalifah Umar mengadakan *musyawarah* dengan pemimpin Muhajirin, Ansar, veteran Quraish dan Muhajirin zaman pembukaan Mekah. Baginda membuat keputusan mengarahkan semua orang agar berpatah balik ke Madinah. Namun, keputusan tersebut dikritik Abu Ubaidah seakan Khalifah tidak menerima takdir Allah SWT. Umar menjelaskan bahawa takdir Allah ada yang baik dan buruk, manakala dalam situasi ini beliau memilih takdir Allah yang lebih baik iaitu menjauhi kawasan bencana. Sejurus kemudian, Abdul Rahman bin Auf tiba dan melaporkan hadis Rasulullah SAW yang melarang umat Islam memasuki kawasan wabak taun dan menegah penduduk kawasan bencana mlarikan diri ke tempat lain (Al-Nawawi, 2002; al-Qattan, 2001).

Al-Qattan (2001) mengulas tindakan Khalifah Umar boleh disamakan pada hari ini seperti kuarantin kesihatan (*al-hajr al-sihhi*) bagi mengawal penularan wabak merbahaya. Al-Zuhaili (1997) pula menjelaskan intisari ucapan Umar bermaksud manusia sememangnya tidak dapat mengelak daripada takdir Allah tetapi pada masa sama, Allah memerintahkan manusia berwaspada daripada setiap bencana dengan berusaha keras menjauhi suasai yang merbahaya.

Jelas di sini, asas ijihad Khalifah Umar dalam larangan memasuki kawasan bencana adalah mengutamakan *maslahah* keselamatan nyawa orang ramai yang mana pada akhirnya keputusan tersebut bertepatan dengan nas (hadis) taun yang dilaporkan oleh Abdul Rahman bin Auf (Al-Uthaymin, 2007). Al-Jazari (t.th) turut mengulas tindakan tersebut berpandukan hadis-hadis yang melarang percampuran antara haiwan sakit dengan haiwan sihat, menunjukkan pihak kerajaan boleh menguatkuaskan kuarantin kesihatan terhadap kawasan penularan wabak dan mecegah orang sihat daripada berkomunikasi dengan para pesakit kecuali para petugas kesihatan sahaja. Selain itu, terdapat laporan mencatatkan Amru bin al-As, yang menjadi ketua tentera selepas kematian Abu Ubaidah al-Jarrah dan Muaz bin Jabal telah mengeluarkan arahan kepada penduduk Syam yang tidak dijangkiti agar berlindung di kawasan bukit yang masih selamat. Tindakan siasah beliau merupakan salah satu sebab kejayaan menamatkan penularan wabak Amawas di Syam selepas itu (Ahmad, 2001; Ibn Asakir, 1995).

Perintah duduk di rumah (*stay at home*) semasa PKP bukan bertujuan menyekat kebebasan orang ramai untuk bergerak secara mutlak. Sebaliknya mencegah mereka daripada terkena punca jangkitan yang tidak diketahui akibat *mass gathering* di tempat sesak seperti pasar tani, pasaraya, pusat membeli belah, kedai runcit termasuk sekolah, universiti, restoran dan juga rumah ibadat. Keberadaan di tempat selamat terutamanya di rumah yang menghadkan kebebasan bergerak adalah kemudaratan yang ringan bagi menjamin kesihatan rakyat berbanding kemudaratan lebih besar akibat jangkitan di luar rumah. Situasi ini menepati maksud kaedah *iza ta'aradhat mafsadatan ru'iya a'zhamuha dhararan bi irtikab akhaffiha* dan kaedah-kaedah seumpamanya seperti *yukhtar ahwan al-Syarrayn* dan *akhaff al-dhararayn*.

Begitu juga arahan penjarakan sosial (*social distancing*) iaitu penetapan jarak kedudukan antara individu sejauh satu meter kelihatan menepati saranan hadis Nabi SAW yang menyuruh umat Islam menjauhi pesakit kusta dengan serius walaupun pada dasarnya jangkitan wabak terjadi kerana kuasa Allah SWT. Dalam konteks ini, maksud ‘melarikan diri daripada singa’ perlu difahami secara lebih rasional dan realistik. Ia bukan bermaksud perbuatan lari secara literal sebaliknya mewujudkan batasan yang selamat antara pesakit dan orang sihat yang mana motif mengelak jangkitan COVID-19 tercapai dengan tindakan *social distancing* seperti yang disarankan. Apatah lagi had jarak tersebut disarakan oleh pandangan pakar kesihatan yang mengetahui selok belok virus korona terbabit.

Kajian ini turut mendapati bahawa ketetapan yang diambil oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 20 Mac 2020 yang bersetuju menangguhkan semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah sebelum ini sepanjang tempoh PKP adalah suatu keputusan yang realistik demi mengelak *mafsadah* sekalipun semua amalan yang ditangguhkan itu suatu kemaslahatan umat Islam. Ketetapan tersebut telah dilaksanakan secara kolektif oleh jabatan mufti setiap negeri di seluruh Malaysia. Pertimbangan hukum dalam keputusan di atas mengambil kira bahawa mendirikan solat Jumaat dan solat berjemaah merupakan suatu *maslahah agama*.

Akan tetapi kehadiran ramai jemaah yang bakal menjadi faktor berpotensi menularkan wabak COVID 19 juga merupakan suatu *mafsadah*. Pada ketika ini, kaedah syarak mengutamakan penolakan *mafsadah* berbanding meraih *maslahah*. Legitimasi kaedah di atas menepati piawaian (*mizan*) syarak dalam merungkaikan pertembungan antara tuntutan wajib dan haram, dengan mengutamakan perkara haram perlu dijauhi berbanding melaksanakan yang wajib. Jika dianalisis dari sudut kesan jangka panjang pula, solat Jumaat masih boleh dikerjakan selepas berakhirnya tempoh PKP. Namun, penularan wabak merbahaya yang mengakibatkan kematian kepada orang ramai, akan menafikan terus peluang manusia beribadat kepada Allah SWT.

Berhadapan keputusan ini, penulis mendapati terdapat segelintir ilmuan yang berpandangan dalam media sosial mempersoalkan mengapa orang ramai lebih takutkan virus COVID-19 berbanding Allah SWT dengan menyeru mereka agar meneruskan aktiviti agama di masjid seperti biasa. Pandangan seperti ini ternyata tidak tepat kerana gagal memahami pertimbangan hukum syarak dalam konteks pertembungan antara *mafsadah* dan *maslahah*. Selain itu, lahirnya pandangan sedemikian juga berpunca kegagalan memahami nas-nas syarak secara yang mengangkat ciri-ciri *taysir* dan *raf'ul harj* pada pensyariatan Islam. Penulis turut mendapati kepatuhan semua rakyat terhadap arahan PKP adalah selaras dengan kaedah-kaedah fiqh iaitu *tasarruf al-imam 'ala al-ra'iyyah manut bi al-maslahah* dan *amr al-imam yarfa'u al-khilaf*.

Kepatuhan rakyat terhadap perintah kerajaan (*ulil amri*) dalam keputusan yang melibatkan kepentingan awam merupakan satu perkara wajib berasaskan perintah al-Quran dan sunnah. Dalam ayat 59 surah al-Nisa, Allah memerintahkan umat Islam mentaati Allah, rasul dan ulil amri. Menurut Ibn Kathir (1999), ketaatan kepada pemerintah tertakluk kepada sejauh mana dasar, polisi dan undang-undang serta peraturan yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah. Perkara sama turut ditekankan oleh Allah SWT dalam ayat 83 surah yg sama iaitu ketika berlaku perbezaan pandangan, ketaatan kepada *ulil amr* merupakan salah satu kaedah menyatupadukan tindakan umat Islam.

Kepatuhan arahan pemerintah turut disentuh dalam banyak hadis sahih antaranya yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar, Rasulullah SAW bersabda “ Dengar dan

mematuhi (arahan) adalah wajib ke atas individu muslim sama ada pada perkara yang dia suka ataupun benci, selagi mana tidak diperintahkan melakukan maksiat. Apabila diperintah kepada kemaksiatan, maka tidak perlu dengar dan taat” (Al-Bukhari, *Bab al-Sam' wa al-Ta'ah li al-Imam Ma Lam Takun Ma'siyat*, no. Hadis 7144).

Al-Bukhari meriwayatkan daripada Anas bin Malik bahawa Rasulullah SAW bersabda “Dengarlah dan taatilah walaupun kalian dipimpin oleh hamba Habsyi yang rambutnya keriting seperti buah kismis (HR Bukhari, no. Hadis 7142). Baginda SAW menegaskan bahawa ketaatan tersebut tidak bersifat mutlak sebaliknya dikaitkan dengan syarat iaitu asalkan perintah tersebut bukan suatu yang haram, berdosa dan mengundangkan kemudaratan. Arahan mentaati pemerintah dalam nas-nas di atas secara tidak langsung mengisyaratkan bahawa perintah PKP yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia mempunyai autoriti yang berhak mengesampingkan semua ijтиhad dan pandangan yang lain. Autoriti tersebut diperkuuhkan lagi dengan kaedah *amr al-imam yarfa'u al-khilaf* (keputusan pemerintah mengangkat khilaf).

PENUTUP

Mentaati perintah kerajaan (*ulil amri*) dalam keputusan yang melibatkan kepentingan awam merupakan satu perkara wajib ditaati oleh rakyat berpandukan al-Quran dan sunnah. Ketaatan kepada arahan kerajaan tertakluk kepada sejauhmana dasar, polisi dan undang-undang serta peraturan tersebut tidak bercanggah dengan tuntutan kedua-dua sumber tersebut. Ketika berlaku perbezaan pandangan, ketaatan kepada arahan kerajaan merupakan salah satu kaedah mewujudkan perpaduan dalam memilih tindakan yang wajar ke atas umat Islam.

Tindakan kerajaan mengawal penularan Wabak Covid-19 melalui penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan merupakan suatu ijтиhad dan dasar keselamatan kerajaan yang dibuat berasaskan kepada penyelidikan yang berautoriti. Keputusan tersebut perlu diutamakan berbanding pandangan para ilmuan dan tokoh ulama lain yang memberikan pandangan berbeza. Maka, langkah penguatkuasaan PKP adalah satu keputusan *Siasah Syar'iyyah* yang tegas demi menjaga kemaslahatan orang ramai daripada dijangkiti

COVID-19 dan juga satu kaedah pencegahan terbaik untuk menghentikan penularan wabak tersebut.

Selaras dengan itu, semua rakyat adalah wajib mematuhi arahan tersebut sebagai satu arahan syarak yang bertepatan dengan penjagaan maqasid agama dan nyawa manusia sekali gus. Semua pihak mesti bertanggungjawab memastikan kemudaratan virus merbahaya ini terhenti dan adalah berdosa bagi sesiapa yang sengaja membiarkan dirinya menjadi pembawa virus berkenaan ke dalam kelompok masyarakat lain yang sihat. Kedegilan sesetengah pihak dalam mematuhi arahan berada di rumah dengan menghadiri kenduri perkahwinan, mengadakan kenduri tahlil dan sebarang kegiatan yang menghimpun orang ramai boleh menyebabkan jangkitan virus merbahaya tersebut kepada orang lain tanpa disedari dan hukumnya ada haram.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ash'ath. (t.th). *Sunan Abi Dawud*. Tahqiq oleh Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid (tahqiq). Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Ahmad, Abu Abd Allah Ibn Hanbal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Tahqiq oleh Syu'ayb al-Arna'ut et.al . Edisi ke 1. Beirut: Mua'asasah al-Risalah, 2001.
- Al-Ansari, Zakariyya Ibn Muhammad. t.th. *Asna al-Matalib fi Syarh Rawdh al-Talib*. T.tp: Dar al-Kitab al-Islami.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq oleh Muhammad Zuhayr Nasir. Edisi ke 1. T.thp: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Burnu, Muhammad Sidqi ibn Ahmad. (2000). *Mawsu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Edisi ke 1. Riyadh: Maktabah al-Tawbah.
- Al-Durayni, Fathi. (1986) *Khasa'is al-Tashri' al-Islami Fi al-Hukm wa al-Siyasah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Fayyumi, Ahmad ibn Muhammad. (1994). *Al-Misbah al-Munir*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.

- Al-Hakim, Muhammad ibn Abd Allah al-Naysaburi. (1990). *Al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn*. Tahqiq oleh Mustafa Abd al-Qadir Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Hasari, Ahmad. (1988). *Al-Dawlah wa Siyasat al-Hukm fi al-Fiqh al-Islami*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya ibn Syarf. (2002). *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*. Tahqiq Khalil Ma’mun Syiha. Beirut: Dar al-Ma’rifah
- Al-Qattan, Manna’. (1996). *Tarikh al-Tasyri’ al-Islami*. Edisi ke-2. Riyadh: Maktabah al-Ma’rif li al-Nasyr wa al-Tauzi’.
- Al-Sadlan, Salih ibn Ghani. (1996). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubrawa ma Tataffar'a anha*. Riyadh: Dar Balansiyyah.
- Al-Sallabi, Ali. (2020). *Kayfa Ta'amala al-Muslimun ma'a al-Awbi'ah wa Atharuha fi Marahil Tarikhahim*, dalam <https://islamonline.net/34109>, diakses pada 20 Mac 2020.
- Al-Tabari, Muhammad Ibn Jarir. (t.th). *Tarikh al-Tabari*. Edisi ke-3. Beirut: Dar al-Turath.
- Al-Uthaymin, Muhammad ibn Salih. (2007). *Al-Syarh al-Mumti' 'ala Zad al-Mustaqqni*. T.THP: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Jaza'iri, Abu Bakr Jabir. (t.th). *Minhaj al-Muslim*. Misr: Dar al-Salam.
- Khallaq, 'Abd. Al-Wahhab. (1988). *Al-Siyāsah al-Shari'iyyah*, Kuwait: Dār al-Qalam.
- Al-Zarqa, Ahmad ibn Muhammad. (1989). *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Edisi ke 2. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Zarqa, Mustafa Ahmad. (1998). *Al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*. Edisi ke 1. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Zubaydi. t.th. *Taj al-'Arus Min Jawahir al-Qamus*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayāt.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Edisi ke 2. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Azzyati Ahmad. (2020). Perintah Kawalan Pergerakan Digazet, Hukuman 6 bulan Penjara, Tambahan Sektor Penting. Diakses dari

- http://www.astroawani.com/berita-malaysia/perintah-kawalan-pergerakan-digazet-hukuman-6-bulan-penjara-tambahan-sektor-penting-234108, pada 22 Mac 2020.
- Berita Harian Online. (2020). Kronologi COVID-19 di Malaysia. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>, pada 22 Mac 2020.
- Bernama. 12 Februari 2020, diakses pada 20 Mac 2020.
- Christer Bruun. (2007). The Antonine plague and the ‘third-century crisis’ in *Crises and the Roman Empire*, Proceedings of the Seventh Workshop of the International Network Impact of Empire (Nijmegen, June 20-24, 2006), pp: 201-217
- Colin P. Elliott. (2016). The Antonine Plague, Climate Change and Local Violence in Roman Egypt , *Past & Present*, Volume 231, Issue 1, May 2016, pp: 3–31
- Di Wu, Tiantian Wu, Qun Liu, Zhicong Yang. (2020), *The SARS-CoV-2 Outbreak: WhatWe Know*, *International Journal of Infectious Diseases*, pp: 1-10
- Fathi Uthman. t.th. *Al-Fikr al-Qanuni al-Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Hafidzul Hilmi Mohd Noor. (2020). Aktiviti masjid tangguh sehingga PKP tamat. Diakses dari <https://www.metro.com.my/mutakhir/2020/03/558484/aktiviti-masjid-tangguh-sehingga-pkp-tamat> pada 19 Mac 2020.
- Ibn al-Imad, Abd al-Hayy ibn Ahmad. (1986). *Syazarat al-Dhahab fi Akhbar al-Arab*. Tahqiq, Muhammad al-Arna'ut. Dimasyq: Dar Ibn Kathir.
- Ibn al-Wardi, Umar ibn Muzaffar. (1996). *Tarikh Ibn al-Wardi*. Edisi ke-1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Asakir, Ali Ibn al-Hasan. (1995). *Tarikh Dimasyq*. Tahqiq oleh Amr Ibn Gharamah. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, Isma'il Ibn Umar. (1988). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. T.thp: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- _____. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Tahqiq oleh Sami Muhammad Salamah. Edisi ke 2. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Ibn Manzur Muhammad ibn Mukarram. (1993). *Lisan al-'Arab*. Edisi ke 4. Beirut: Dar Sadir.

- Ibn Qutaybah, Abdullah bin Muslim al-Dinawari. (1996). Al-Ma'arif. Tahqiq, Tharwat Akasyah. Kaherah: al-Hai'ah al-Masriyyah al-'Ammah li al-Kitab.
- Janice Tsang and Jyoti Bajpai. (2020). Novel Coronavirus Infection – Knowns and Unknowns with Particular Reference to Oncology – Combating against COVID-19 with “COVID”, *Indian Journal of Medical and Paediatric Oncology*, pp; 1-5
- Katelyn Gostic, Ana CR Gomez, Riley O Mummah Adam J Kucharski, James O Lloyd-Smith (2020). Estimated effectiveness of symptom and risk screening to prevent the spread of COVID-19, *e-Life Research Advance*, pp; 1-18.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Status COVID-19 di Malaysia*, diambil dari <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan>, pada 2 April 2020
- Kirsten I. Bos, Verena J. Schuenemann , G. Brian Golding , Hernán A. Burbano , Nicholas Waglechner5, Brian K. Coombes , Joseph B. McPhee , Sharon N. DeWitte, Matthias
- Latif Saad. (2020). Kronologi Wabak Novel Coronavirus (nCoV). Diakses dari <https://thediagnosa.com/kronologi-novel-coronavirus/> pada 20 Mac 2020
- Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. (2020). *Kenyataan Media MKN: Perincian Perintah Kawalan Pergerakan*, diakses dari <https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyatan-media-mkn-18-mac-2020/>, pada 2 April 2020
- Meyer , Sarah Schmedes , James Wood , David J. D. Earn, D. Ann Herring, Peter Bauer, Hendrik N. Poinar & Johannes Krause. (2011). A draft genome of Yersinia pestis from victims of the Black Death, *Nature*, Volume 478, pp: 506-510
- Mohd Hapiz Mahaiyadin. (2001). *Kepimpinan Orang Bukan Islam dalam Negara Islam Menurut Perspektif Siasah Syar'iyyah*. Disertasi Sarjana Syariah. Universiti Malaya.
- Muslim, Abu al-Hasan ibn al-Hajjaj al-Naysaburi. (t.th). *Sahih Muslim*. Tahqiq oleh Muhammad Fu'ad Ḩabd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-ḤArabi.

- Noresah Baharom et.al (edit). (2013). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norman F. Cantor. (2014). *In the Wake of the Plague: The Black Death and the World It Made*, Simon and Schuster publisher.
- Shukeri Mohammad. (1994) *Al-Siyāsah al-Syar'iyyah wa Qawa'iduha Fi al-'Iqab al-Ta'ziri*, Tesis M.A. al-Jamiyah al-Urduniyyah.
- Stephanie Haensch , Raffaella Bianucci, Michel Signoli, Minoarisoa Rajerison , Michael Schultz , Sacha Kacki, Marco Vermunt , Darlene A. Weston, Derek Hurst, Mark Achtman, Elisabeth Carniel, Barbara Bramanti (2010), Distinct Clones of Yersinia pestis Caused the Black Death , PLoS Pathogenes, Volume 6, Issue 10, pp: 1-8
- Taj, ḨAbd. Al-Rahman. (1995). *Al-Siyasah al-Syar'iyyah wa al-Fiqh al-Islami*, edit. ḨAlī Ahmad al-Khatīb., al-Azhar.
- Tracy H. T. Lai, & Emily W. H. Tang, Sandy K. Y. Chau, & Kitty S. C. Fung and Kenneth K.W. L. (2020). Stepping up infection control measures in ophthalmology during the novel coronavirus outbreak: an experience from Hong Kong, *Graefe's Archive for Clinical and Experimental Ophthalmology*, pp: 1-7
- Utwah, Abd. al-'Al Ahmad. (t.th.). *Al-Madkhāl Ila al-Siyāsah al-Syar'iyyah*. Arab Saudi: Jāmiyah Imām al-Sa'ūd.
- Xuejiao Chen, Junzhang Tian, Guanming Li, Guowei Li (2020). Initiation of a new infection control system for the COVID-19 outbreak, *The Lancet*, Volume 20, pp; 397-398
- Zhe Xu, Lei Shi, Yijin Wang, Jiyuan Zhang, Lei Huang, Chao Zhang, Shuhong Liu, Peng Zhao, Hongxia Liu, Li Zhu, Yanhong Tai, Changqing Bai, Tingting Gao, Jinwen Song, Peng Xia, Jinghui Dong, Jingmin Zhao, Fu-Sheng Wang. (2020), Pathological findings of COVID-19 associated with acute respiratory distress syndrome, *The Lancet respiratory Medicine*, Volume 8, pp: 420-422.
- Zhicheng Wang and Kun Tang . (2020). Combating COVID-19: Health Equity Matters, *Nature Medicine*. <https://doi.org/10.1038/s41591-020-0823-6>, pp; 1-3